

8. Jawatan : **PELUKIS PELAN (KONTRAK)**

Gred J7 : PIT1 RM599.50 - PIT25 RM1629.10

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional dalam bidang yang berkaitan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **ATAU**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta mendapat kepujian dalam matapelajaran Seni Lukis atau Lukisan Geometri pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- (iii) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

9. Jawatan : **AHLI FOTOGRAFI (TETAP)**

Gred B7 : PIT1 RM588.50 - PIT23 RM1521.30

P2T1 RM627.00 - P2T23 RM1607.10

P3T1 RM666.60 - P3T23 RM1696.20

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang senifoto dan/atau kamera atau senilukis dan calon-calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

10. Jawatan : **RENJER HUTAN (KONTRAK)**

Gred G8 : PIT1 RM586.30 - PIT23 RM1505.90

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia serta mendapat Sijil Perhutanan daripada Institut Latihan Perhutanan Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

11. Jawatan : **PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN (TETAP)**

Gred U14 : PIT1 RM484.00 - PIT21 RM1139.60

P2T1 RM512.60 - P2T21 RM1199.00

P3T1 RM542.30 - P3T21 RM1259.50

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- (ii) Tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat sijil kelayakan Pembantu Pembedahan Pergigian yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred U14: PIT5); **DAN**
- (iii) Lulus Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

12. Jawatan : **TUKANG K2 (TETAP)**

Gred R6 : PIT1 RM587.40 - PIT14 RM1059.30

P2T1 RM624.80 - P2T14 RM1111.00

P3T1 RM663.30 - P3T14 RM1163.80

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Tamat Tingkatan III Sekolah Menengah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan; **ATAU**
- (ii) Pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan Perkhidmatan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah yang telah disahkan dalam perkhidmatan; **DAN**
- (iii) Sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Peringkat Pertengahan dalam bidang pertukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **ATAU**
- (iv) Lulus Ujian Kemahiran dalam bidang pertukangan yang berkenaan (samada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau yang diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan sebagai setaraf dengan piawaian Sijil MLVK Pertengahan;
- (v) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

Kenaikan Pangkat Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K3 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K2 Gred R6 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di para (iii), (iv) dan (v) di atas; **DAN**
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

13. Jawatan : **OPERATOR LOJI (KONTRAK)**

Gred R10 : PIT1 RM458.70 - PIT16 RM871.20

Syarat-Syarat Lantikan:

- (i) Tamat Darjah 6 Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan;
- (ii) Sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Injin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Kecekapan Pemandu Injin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera;
- (iii) Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred R10: PIT4);
- (iv) Berkebolehan bertutur, menulis dan membaca dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

Cara Memohon:

- 1) Borang permohonan boleh didapati daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Utara Malaysia dengan mengemukakan sampul surat berukuran 24cm x 18cm yang beralamat sendiri dan berselem RM0.35 atau datang mengambilnya sendiri di Jabatan Pendaftaran, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman.
- 2) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah memajukan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan laporan sulit dan penyata perkhidmatan yang terkini. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan.
- 3) Sila catatkan nama jawatan yang hendak dipohon pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat semasa memohon dan menghantar borang.
- 4) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada:

Pendaftaran

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-924 1801 samb. 3022/3042

Homepej: <http://www.uum.edu.my>

- 5) Tarikh tutup iklan: 24 September 2001

Catatan:

- 1) Proses borang permohonan akan dibuat hingga tarikh tutup dan temuduga akan dijalankan dari semasa ke semasa.
- 2) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 3) Jawatan ini tidak boleh dipegang serentak dengan lain-lain jawatan di dalam atau di luar Universiti Utara Malaysia.